KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16.11.2021	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	TNB			

BH 16.11.2021_14

Jamin bekalan elektrik tidak terjejas

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menegaskan jaminan bekalan elektrik negara tidak terjejas, walaupun berlaku krisis tenaga global membabitkan arang batu dan gas, ketika ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Ali Biju, berkata TNB Fuel Services Sdn Bhd sebagai pembekal arang batu kepada penjana bebas di Malaysia mempunyai kontrak jangka panjang.

Selain itu, katanya, bahan api gas bagi penjanaan elektrik pula dibekalkan PETRONAS yang mendapat bekalan daripada pelbagai sumber.

Beliau menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai).